

Pantun dan Ungkapan Melayu sebagai Wahana Kepemimpinan Melayu ke Arah Pembangunan Modal Insan

Zuraidah Abdullah
Zahir Ahmad
Nuwairi Khaza'ai

ABSTRAK

Makalah ini meninjau bagaimana definisi, fungsi, tanggungjawab dan sifat pemimpin yang selaras nilai agama, adat istiadat serta norma sosial diterapkan dalam pantun Melayu. Sumber tinjauan adalah pantun-pantun yang lazim ditemui dalam masyarakat Melayu. Didapati sejak zaman tradisi lagi pantun telah memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan khususnya daripada segi penerapan akal, ilmu dan akhlak di dalamnya.

Kata kunci: pantun, pemimpin, modal insan, akal, akhlak.

ABSTRACT

This paper demonstrates how the definition, functions, responsibilities and attitudes of leadership which are intertwined with religious values, customs and social norms had been interpolated in the Malay pantun. The source of this demonstration are the typical pantuns found in Malay life. It is found that the pantun had played important role in human capital development particularly by inserting astute, knowledge and moral in it.

Keywords: Pantun, leader, human capital, astute, moral.

Pendahuluan

Pantun dan ungkapan Melayu merupakan sastera rakyat yang telah diguna pakai dengan begitu meluas di dalam masyarakat Melayu tradisi sehingga kini. Banyak kajian telah menunjukkan puisi lama ini telah berjaya memaparkan falsafah hidup masyarakat Melayu dan malah dianggap sebagai salah satu wahana yang penting dalam meluahkan dan menyampaikan hasrat serta manifestasi pemikiran masyarakat Melayu. Justeru, puisi lama ini telah dapat merakamkan sejarah perkembangan pemikiran, peradaban dan tamadun sesuatu bangsa di dunia seperti

bangsa Melayu. Ramai sarjana tempatan telah menjadikan pantun dan ungkapan Melayu sebagai sumber rujukan utama bagi kajian sosiobudaya masyarakat Melayu kerana ia adalah cerminan peradaban dan tamadun Melayu yang sudah bertapak berabad-abad lamanya terutama dalam memperkatakan tentang ketinggian akal budi bangsanya.

Kedua-dua khazanah boleh dikaji, diteliti dan diamati setiap masa terutama dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan maklumat bagi membina modal insan generasi Melayu tradisi. Lantaran modal insan yang hendak dibangunkan adalah modal insan yang menghayati dan mengamalkan budaya tinggi (Mohd Roslan dan Ahmad Zaki 2010). Justeru, persekitaran masyarakat Melayu tradisi ketika itu telah menggunakan pantun dan ungkapan Melayu sebagai wahana pendidikan dalam membentuk acuan modal insan ke arah pembentukan budaya tinggi. Ketinggian budaya Melayu ini boleh dilihat melalui keindahan penciptaan pantun dan ungkapan Melayu yang menghasilkan susunan kata-kata yang indah, bermakna dan menarik sehingga menterjemahkan jiwa, seni, kebijaksanaan dan budi bahasa Melayu. Nilai-nilai keindahan dalam pantun dan ungkapan Melayu ini telah dapat dihayati oleh segenap lapisan anggota masyarakat ketika itu. Selain itu, pantun dan ungkapan Melayu ini telah menunjukkan *genius* orang Melayu menyampaikan pandangan dan akal-budinya.

Makalah ini meninjau salah satu aspek ilmu sains sosial khususnya bidang sosiologi, antropologi, politik, dan ekonomi iaitu berkaitan dengan kepemimpinan dalam membangunkan modal insan bangsa Melayu. Kepemimpinan menjadi fokus utama bahasan ini kelak. Di dalam masyarakat Melayu, kepemimpinan merupakan satu daripada tiga perkara yang menghayati adat (Nordin 1983). Oleh sebab itu di setiap tempat ada pemimpinnya seperti kata bidalan; Luhak berpenghulu, Rantau beraja, Kampung bertua, Rumah bertunggu, Berjunjung naik, Bertangga naik (Nordin 1983:1). Kelahiran dan kejayaan sesebuah masyarakat acap kali diwarnai oleh kesan kepemimpinan. Sejarah menjadi bukti bagaimana bangsa dan tamadun yang hebat dicorakkan dan dibentuk oleh pemimpin berjiwa besar, berpandangan jauh dan berani melakukan perubahan. Dalam masyarakat Melayu, pemimpin sememangnya sentiasa dihargai sepertimana tercermin dalam ungkapan:

Elok negeri kerana ada raja

Elok kampung kerana ada tuanya

Bila negeri tidak beraja
 Bila kampung tidak berpenghulu
 Bila rumah tidak bertuan
 Angin lalu tempias pun lalu
 Tuah hilang marwah terbuang
 Hidup celaka sengketa datang

Kepimpinan Rumpun Melayu

Dalam budaya Melayu, pemimpin amatlah pelbagai, mulai daripada pemimpin rumah tangga, dusun dan kampung sehingga kepada pemimpin bangsa dan Negara. Bidang kepemimpinan ini bermula daripada kekeluargaan, adat, agama dan hinggalah ke bidang organisasi dan pemerintahan. Oleh sebab besar dan pentingnya pengaruh pemimpin dalam kehidupan maka pemimpin diberi kepercayaan, kekuasaan dan kebebasan untuk melaksanakan hak dan kewajipan serta tanggungjawabnya dalam memimpin umatnya. Walau bagaimanapun, pemimpin datang dan pergi bertekad waja, berdaya tahan dan berwawasan jelas akan dikenang sebagai pemimpin tersohor dan terulung. Pemimpin terbilang pula tidak datang dari sekadar manusia biasa, mereka juara di antara semua, mereka umpama raksasa dalam pemikiran dan mereka penghulu pada sebuah perubahan. Ini jelas menunjukkan bahawa bukan mudah untuk menjadi pemimpin seperti yang dibayangkan dalam ungkapan klasik;

Yang diberikan kepercayaan,
 Yang diberikan kekuasaan,
 Yang diberikan beban berat,
 Yang diberikan tanggungjawab,
 Yang diikat janji dan sumpah,
 Yang disampaikan petua amanah.

Demikianlah orang Melayu meletakkan martabat seorang pemimpin dalam masyarakat Melayu. Selain itu, yang paling utama seorang pemimpin itu perlu ada kualiti yang bukan sahaja terletak pada rupa paras dan personaliti yang menarik malah corak pemikiran yang hebat, tingkah laku yang kamil, nilai hidup yang mulia dan gaya kepimpinan yang terpuji. Melalui pantun dan ungkapan, masyarakat Melayu tradisional secara lisan menyampaikan hasrat mereka dalam menilai dan memilih seseorang menjadi pemimpin untuk menerajui pemerintahan atau menjadi pucuk atau induk dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Justeru, apabila memperkatakan tentang kepemimpinan, tidak boleh tidak membicarakan tentang etimologi perkataan kepemimpinan dalam alam Melayu. Menurut Shaharir (2010), ‘pimpin’ memberi makna yang berbeza dengan ‘lead’, yang sekali gus membezakan teori kepemimpinan rumpun Melayu dan Inggeris. Perkataan pimpin bukan daripada bahasa Sanskrit atau Arab malah tiada dalam senarai Malayu-Indonesia-Sanskrit (de Casparis 1997). Namun mengikut Sugiarto (1993) dan Tryson (1994), ‘pimpin’ itu adalah daripada perkataan Jawa Sunda (dengan ejaan ‘pingpin’). Sebagaimana yang diketahui ramai kata ‘pimpin’ bermakna memegang tangan seseorang seiring dengan yang memegang itu untuk dibawa bersama menuju ke destinasi yang dikehendaki oleh yang memegang itu sahaja. Sebaliknya makna kepemimpinan pada hari ini adalah lebih luas lagi iaitu satu proses pengaruh, khususnya pengaruh terhadap gelagat dan pemikiran orang lain dan malah pemimpin memainkan peranan penting dalam menentukan prestasi tinggi atau rendah sesebuah institusi atau organisasi itu.

Oleh itu, dalam usaha melahirkan pemimpin Melayu yang memiliki kualiti atau keupayaan yang tinggi pada ketika itu masyarakat Melayu tradisi telah menggunakan pantun dan ungkapan Melayu sebagai wahana mengingat, menegur, mengajar, membimbing dan malah menyindir pemimpin-pemimpin Melayu ketika itu lebih peka terhadap kepentingan memaksimumkan penggunaan diri mereka dalam mencapai sesuatu yang terbaik dalam segala aspek kehidupan mereka berlandaskan ajaran Islam. Sememangnya pemimpin Melayu amat diberi ingatan dan harus memfokuskan kepada tiga dimensi utama yang saling berkaitan di antara satu sama lain iaitu akal atau minda, pengisian nilai-nilai kerohanian dan seterusnya jasmaniah yang membawa kepada pembentukan akhlak pemimpin yang disegani dan dihormati. Ini dapat dibuktikan melalui ungkapan Melayu ini yang mewajibkan seseorang pemimpin itu memiliki ‘pakaian’, iaitu ‘pakaian batin’ yang lazimnya disebut sifat atau keperibadian terpuji yang sentiasa melekat dalam dirinya yang sempurna dari segi ilmunya, rohaninya dan jasmaninya. ‘Pakaian’ ini secara cermat dan indah dikekalkan dalam ungkapan adat yang berbunyi:

Memakai syarak lahir dan batin
 Imannya tebal adat pun kental
 Takwanya Nampak ilmu pun banyak
 Berdada lapang berfikiran panjang
 Bermuka jernih berlidah fasih

Berpendirian kukuh berakal senonoh
 Berpijak tidak berkisar
 Bercakap tidak beralih

Berani menahan uji
 Setia tahan dicuba
 Taatnya tahan dilipat

Tegaknya pada yang hak
 Duduknya pada yang elok

Berbekal pada yang halal
 Berpetua pada yang berfaedah
 Berwasiat pada yang bermanfaat

Ketiga-tiga dimensi ini juga dapat melahirkan manusia yang mempunyai kekuatan dan kehebatan dari segi kemajuan ilmu, keindahan dan kehalusan seni, ketertiban dan kerukunan hukum dan undang-undang yang merujuk kepada pembangunan modal insan yang dianggap aset utama pembentukan tamadun bangsa. Melalui kajian ini pasukan kami sekali lagi mendapati di dalam pantun dan ungkapan Melayu kerap kali terpancar kepentingan tiga dimensi ini apabila membicarakan tentang i) maksud pemimpin, ii) kedudukan pemimpin, iii) fungsi dan tanggung jawab pemimpin, iv) sifat atau keperibadian pemimpin dan sifat yang dilarang (dipantang) dikaitkan dengan nilai-nilai agama, adat istiadat dan norma sosial masyarakat Melayu berlandaskan ilmu, rohani dan jasmani. Pantun dan ungkapan Melayu adalah di antara wadah dan wahana yang digunakan untuk menyampaikan dan menjelaskan keseluruhan tentang keperibadian kepimpinan Melayu yang membawa kepada melahirkan modal insan yang sempurna bukan sahaja kepada diri pemimpin malah juga kepada pengikut-pengikut yang dipimpinnya.

Pemimpin dalam Pantun dan Ungkapan Melayu

Berdasarkan kepada sejumlah pantun dan ungkapan Melayu tentang pemimpin yang kami kumpulkan, terdapat beberapa perkara yang dapat dikemukakan dan seterusnya dapat menjelaskan segala maksud pemimpin Melayu. Lazimnya pemimpin disebut orang yang dituakan oleh bangsanya. Pemimpin seharusnya dekat dengan umatnya sebagaimana tercermin dalam ungkapan:

Yang didahulukan selangkah,
 Yang ditinggikan seranting,
 Yang dilebihkan serambut,
 Yang dimuliakan sekuku.

Ungkapan ini jelas menunjukkan bahawa antara pemimpin dengan umatnya jaraknya hanya sekadar 'didahulukan selangkah dan ditinggikan seranting', sehingga mudah dijangkau dan dihubungi. Bahkan dalam ungkapan adat yang lain ditegaskan lagi 'jauhnya tidak berjarak, dekatnya tidak berantara'. Dengan demikian, akan terjalin hubungan yang akrab antara pemimpin dengan umatnya yang mewujudkan keakraban dan keserasian sebagaimana disebutkan dalam ungkapan 'bagaikan aur dengan tebing, bagaikan kuku dengan isi, bagaikan putih dengan mata hitam'. Ungkapan Melayu ini telah mengingatkan kepada pemimpin Melayu agar mempunyai nilai-nilai kepimpinan yang berhati rakyat dan sentiasa mengambil tahu tentang kehidupan orang yang dipimpinnya. Selain itu, terdapat juga di dalam ungkapan Melayu yang dikaji menunjukkan harapan pengikut terhadap pemimpin agar mampu membimbing, melindungi, menjaga, mengawal pengikut-pengikutnya atau orang yang dipimpin. Dalam ungkapan tersebut menyatakan bahawa seseorang pemimpin itu bertanggungjawab kepada orang yang dipimpin. Seorang pemimpin adalah seorang yang diberi kepercayaan dan kekuasaan penuh oleh pengikutnya sepertimana dengan ungkapan ini;

Yang dikemukakan oleh rakyatnya
 Yang dimuliakan oleh kaumnya
 Yang didudukkan pada patutnya
 Yang ditegakkan pada layaknya
 Yang dikukuhkan dengan adatnya
 Yang ditinggikan dari orang banyak
 Yang didahulukan dari orang ramai
 Yang diutamakan dari orang biasa
 Sesuai menurut adat lembaga

Melalui ungkapan ini, jelas menunjukkan seseorang pemimpin itu seharusnya mampu melaksanakan tugas-tugasnya sebagai ketua dan pemerintah yang dapat menentukan kesejahteraan rakyat, bangsa dan negara. Ungkapan ini juga membuktikan bahawa jatuh bangunnya seseorang pemimpin itu ditentukan oleh rakyat. Rakyat berkuasa menentukan kepemimpinan 'Yang dikemukakan oleh rakyat, Yang dimuliakan oleh kaumnya, Yang didudukkan pada yang patut' setiap baris

yang diucapkan oleh masyarakat Melayu tradisional ini menunjukkan mereka memastikan pemimpin-pemimpin yang berwibawa dan layak sahaja yang dijadikan ketua atau penghulu atau pembesar Negara.

Selain itu, pemimpin Melayu juga telah diikat dengan perjanjian (waadat) dan persetujuan sepertimana dalam kitab Sejarah Melayu secara langsung menyatakan i) sifat-sifat pemimpin yang tidak boleh sekali-kali memalukan orang bawahnya walau sebesar mana sekalipun dosa orang bawahannya, ii) pemimpin tidak sepatutnya dipertanggungjawabkan atau diluahkan dengan kata-kata yang tidak menyenangkan dan iii) yang dipimpin pantang menderhaka kepada pemimpinnya, malah sepatutnya tidak sanggup menunjukkan apa-apa kelemahan pemimpinnya di khalayak ramai. Ini dapat ditunjukkan melalui pantun dua kerat dan ungkapan adat yang berbunyi:

Raja adil rajah disembah
Raja zalim raja disanggah

Atau,

Adat terhadap yang dituakan,
Pertama pantang berbalik belakang
Kedua pantang bercakap temberang
Ketiga pantang dikebelakangkan,
Keempat pantang direndahkan
Kelima pantang disia-siakan
Keenam pantang dipermainkan
Ketujuh pantang dipermalukan
Kelapan pantang dilangkahkan

Justeru, seseorang pemimpin (raja atau pembesar atau ketua) memiliki kedaulatan kerana persetujuan tersebut seharusnya menjadi pagar yang menjaga, melindungi, mengawal, mempertahankan maruah, harga diri, martabat pengikutnya. Begitulah sebaliknya sebagai pengikut dalam adat Melayu mewajibkan pengikutnya setia, mendukung dan membantu sekuat dayanya untuk pemimpin. Penderhakaan terhadap pemimpin sejati menjadi pantangan besar sehingga dianggap mencorengkan arang di muka keluarga dan masyarakat. Sepertimana ungkapan adat dikatakan 'Siapa durhaka kepada pemimpinnya, aibnya tidak terkira-kira' atau juga dikatakan 'Siapa menderhaka yang dirajakannya, di sanalah tempat dia binasa'.

Selain itu, seorang pemimpin diibaratkan oleh pemikir Melayu seumpama pohon yang memberi perlindungan kepada pengikutnya.

Mana kala rakyat itu seumpama akar yang menyuburkan pohonnya. Pemerhatian dan penelitian masyarakat Melayu terhadap pertumbuhan dan perkembangan sebatang pohon yang hidup subur tiada akan berdiri jikalau tiada keteguhan akarnya. Kiasan dan metafora ini cukup jelas memperkatakan tentang konsep kepemimpinan Melayu. Konsep kepemimpinan ini jarang sekali terdapat dalam pemikiran budaya bukan Melayu-Islam (Hassan 1985). Maka dengan itu, sesebuah institusi atau Negara memerlukan pemimpin yang terdidik melalui konsep raja (di sini bermaksud kerajaan) yang seumpama pohon, rakyat itu umpama akar. Pohon tiada akan berdiri jikalau tiada akarnya. Malah, konsep pemimpin umpama pohon digarap melalui ungkapan Melayu yang berbunyi:

Bagaikan kayu (pohon) di tengah padang,
 Tempat beramu besar dan kecil,
 Rimbun daun tempat berteduh,
 Kuat dahannya tempat bergantung,
 Besar batang tempat bersandar,
 Kukuh uratnya (akarnya) tempat bersila.

Ungkapan Melayu ini jelas menunjukkan pemimpin Melayu yang melaksanakan tanggungjawabnya sebagai ketua masyarakat mahupun negara itu hendaklah terdiri daripada mereka yang berilmu, amanah, jujur, bersih dan bermoral tinggi. Apabila pemimpin itu berilmu maka sudah pasti mereka ini bijak menterjemahkan dalam membuat keputusan dan mempamerkan tingkah laku yang adil dan saksama. Oleh itu, pemimpin adalah pelindung dan pemimpin juga adalah tempat rujukan serta tempat menyelesaikan masalah. Pemimpin diberikan kuasa dan kepercayaan oleh pengikutnya kerana kebijaksanaannya dan ketinggian ilmunya. Ini ditunjukkan dalam ungkapan Melayu yang merujuk pemimpin:

Tempat kusut diselesaikan,
 Tempat keruh dijernihkan,
 Tempat sengketa disudahkan.

Bagi memastikan pemimpin melaksanakan keadilan, kebenaran dan kesaksamaan dalam menyelesaikan masalah, seseorang pemimpin itu harus memiliki ilmu. Melalui ilmu terpancar kebijaksanaannya meramal dan meneka kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku (futuristik). Bagi memastikan pemimpin itu bijaksana dan adil seharusnya pemimpin itu dipilih atas kehendak pengikutnya. Hal ini dapat ditunjukkan dalam

pantun yang berbunyi:

Jika memilih tempat mandi,
 Pertama teluk kedua pantai;
 Jika memilih pemimpin negeri,
 Pertama elok kedua pandai.

Pantun ini apabila dianalisis dengan teliti telah menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional menyatakan secara tersirat betapa peri pentingnya pemilihan pemimpin yang bijak dan pandai. Umpama memilih tempat mandi antara teluk dan pantai, yang disarankan di dalam pantun pilihlah teluk yang berlekuk berbanding pantai terbuka. Simboliknya masyarakat Melayu harus menjaga auratnya serta memastikan sejauh mana sempurnanya proses membersihkan diri daripada kotoran luaran dan dalaman - maka begitu jugalah proses memilih pemimpin negeri, pengikut harus mengelakkan pendirian yang sempit atau perasaan yang sangat subjektif semasa membuat pemilihan. Ini juga adalah untuk memastikan pemimpin-pemimpin yang berwibawa dan layak memimpin pengikut-pengikut atau memerintah negara. Secara langsung, pantun ini juga telah menunjukkan adanya konsep demokrasi dalam kalangan masyarakat Melayu ketika itu. Makanya, pilihlah yang elok berbanding pandai kerana elok itu sendinya akhlak bertiangkan syariat, jika dibandingkan dengan pemimpin yang hanya suka memandai-mandai.

Matlamat akhir seorang pemimpin di dalam masyarakat Melayu adalah memastikan kesejahteraan dan keamanan masyarakatnya tercapai. Sekiranya kezaliman yang ditegakkan masyarakatnya akan dalam porak-peranda dan kacau bilau akan berlaku. Bagi menangani permasalahan ini pemimpin perlu mempunyai keupayaan yang menuntut kecerdasan emosi (*emotional intelligence*) yang tinggi. Hasil analisis kami mendapati pemikir Melayu tradisional juga telah lama mementingkan kecerdasan emosi yang harus diterapkan dalam kalangan pemimpin Melayu agar tidak membuat keputusan mengikut perasaan. Dengan kata lain, pemimpin berkebolehan menggunakan emosi dalam kehidupan dan pekerjaan mereka seharian. Menurut Mayer dan Salovey (1993), sekiranya tingkah laku serta keputusan yang dibuat melibatkan elemen akal dan perasaan maka hasilnya boleh dijangka dan lebih baik serta berkesan. Ini dapat ditunjukkan dalam ungkapan Melayu yang berbunyi:

Hatinya terang fikiran cerdas
 Ilmunya banyak pengetahuannya luas
 Tahu menyemak hujan dan panas

Tahu memilih antah dan beras
 Tahu berlembut pandai berkeras
 Negeri makmur rakyat pun puas

Ungkapan Melayu ini telah menunjukkan bahawa pemimpin Melayu dahulu sudah lama mengamalkan dan menggalakkan pemimpin-pemimpinnya mempunyai kesedaran diri dalam melakukan tindakan. Pemimpin Melayu seharusnya tahu mengawal emosi terutama dalam membuat keputusan yang tepat dan bijak dengan mengambil kira perasaan pengikut-pengikutnya. Ini selari dengan dapatan kajian Shaharir (2010) yang telah menyenaraikan nilai-nilai unggul seorang pemimpin rumpun Melayu (lapan belas nilai). Salah satunya ialah pemimpin itu mempunyai jiwa yang tenang, sabar, bijaksana dan tidak lekas menggelabah. Selain itu, beliau juga mengatakan bahawa pemimpin unggul ini juga mendapat kepercayaan daripada rakyat dan menjaga kepercayaan itu sebagai satu tanggungjawab dan kehormatan serta yang lebih utama adalah dikasihi dan mengasihi rakyatnya.

Hasil kajian ini telah membuktikan kepentingan pemimpin dalam kehidupan manusia, kehidupan berbangsa dan bernegara malah bermasyarakat dan berumah tangga. Kepentingan pemimpin ini juga jelas ditunjukkan melalui usaha orang Melayu mengangkat martabat pemimpinnya, yang lazim disebut orang yang dituakan oleh masyarakat atau kaumnya. Pemimpin diharapkan dapat membimbing, menjaga dan menuntun masyarakat Melayu dalam erti yang lebih luas dapat membangunkan modal insan.

Kepemimpinan Melayu dalam Pembangunan Modal Insan

Modal insan merupakan aset penting bagi sesebuah masyarakat, bangsa dan negara. Aset yang paling berharga bagi sesebuah negara adalah warganya. Modal insan inilah yang merupakan aset yang boleh disuntik nilai tambahnya, ditingkatkan nilai intelegnya serta diperkaya modal budayanya. Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Maka wajarlah sumber manusia yang menjadi tunjang sesebuah negara itu mempunyai kualiti dan kebolehan yang dapat meningkatkan harga diri modal insan itu sendiri. Melalui pantun dan ungkapan Melayu sebagai wadah dan wahana dalam melihat peranan kepimpinan dalam membangunkan modal insan dalam kalangan masyarakat Melayu pasukan kami melihat dari segi tiga dimensi

utama iaitu akal atau minda, rohani dan jasmani. Modal insan ini adalah merujuk kepada keupayaan manusia memaksimumkan kapasiti diri dalam mencapai matlamat yang terbaik dalam segala aspek kehidupan berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan yang didapati daripada ajaran Islam. Ini adalah kerana masyarakat Melayu di Malaysia telah dianggap sebagai masyarakat Melayu beragama Islam berdasarkan Perkara 160 (2) Perlembagaan Malaysia, orang Melayu itu mestilah beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu dan bertutur bahasa Melayu.

Justeru, masyarakat Melayu yang berada dalam persekitaran Islam mempercayai bahawa alam dan segala kandungannya adalah dicipta oleh Allah SWT. Justeru, Allah telah memerintahkan kepada manusia yang dikurniakan akal fikiran itu agar mengamati kejadian di alam cakerawala ini. Firman Allah SWT yang bermaksud “Perhatikanlah apa yang ada di langit dan di bumi...” Dengan kata lain manusia yang ada di dunia ini telah diberikan akal. Akal ini akan berfungsi jika adanya ilmu. Oleh itu, manusia itu sama ada seorang pemimpin atau pengikut hendaklah memiliki ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam. Dengan demikian dapat melaksanakan hak dan kewajipannya secara lebih mudah dan dapat menyelesaikan masalah. Ini dapat ditunjukkan dalam ungkapan Melayu ini menyatakan tentang kepentingan ilmu pengetahuan dan penguasaan ilmu merupakan pemangkin dalam proses menyuburkan potensi modal insan ke arah menghasilkan pemimpin dan pengikut-pengikut yang berkebolehan dan berkemahiran:

Ilmu dunia ilmu akhirat
 Ilmu tersurat ilmu tersirat
 Ilmu dipakai membawa manfaat
 Ilmu disemak membawa berkat
 Ilmu dikaji membawa rahmat
 Ilmu dipegang hidup selamat

Berguru pada yang pandai
 Menuntut pada yang patut
 Mencontoh pada yang senonoh
 Meniru pada yang sejujur
 Meneladan pada yang patut

Cerdiknya mengurung dengan lidah
 Cerdik mengikat dengan adat
 Cerdik menyemak dengan syarak

Selain itu, ungkapan Melayu juga telah dapat menunjukkan bahawa manusia yang disifatkan yang paling sempurna dan lengkap (ahsani taqwin) penciptaannya, diberi amanah mengurus dunia ini sehingga diangkat martabatnya menjadi pemimpin atau khalifah. Lantaran itu, manusia diberi tanggungjawab untuk mengurus pekerjaannya, keluarganya, bangsanya dan negaranya. Justeru, sudah pasti pengikut memerlukan ilmu dan tunjuk ajar (kemahiran) bagi memudahkan mereka menguruskannya. Pemimpin Melayu diamanahkan untuk memastikan matlamat untuk menyediakan modal insan yang bertakwa dan unggul. Ini dapat ditunjukkan melalui tiga rangkap pantun di bawah:

Wahai anakanda tumpuan nyawa,
Terhadap pemimpin engkau percaya;
Amanahnya jangan disia-sia,
Supaya hidupmu tidak teraniaya.

Wahai anakanda mustika hati,
Terhadap pemimpin luruskan hati;
Tunjuk ajarnya engkau turuti,
Supaya selamat hidup dan mati.

Wahai anakanda tambatan kasih,
Terhadap pemimpin berniat bersih;
Amanahnya dijadikan amalan soleh,
Supaya hidupmu tidak tersisih.

Melalui kajian ini juga kami mendapati pemimpin dan pengikutnya yang semakin banyak ilmu semakin subur mindanya. Malah, semakin subur mindanya semakin dekat dirinya dengan Penciptanya. Pemimpin ini mempunyai sifat-sifat 'mahmudah' seperti menyantuni manusia, bertimbang rasa, ikhlas, jujur dan segala macam penampilan integriti yang lain. Pemimpin ini lahir batinnya memancarkan keimanan dan akhlak terpuji dan melakukan amalan secara berkesinambungan.

Ialah pemimpin Muslim sejati
Imannya tinggi mulia pekerti
Ilmunya banyak dan rendah hati
Kepada rakyat ia bersehati
Menjalankan tugas sepenuh hati
Bertanggungjawab hidup dan mati
Dijadikan pemimpin bertuah negeri
Sebarang kerjanya Allah berkati

Apabila pemimpin orangnya beriman
Negeri sentosa rakyat pun aman

Contoh ungkapan Melayu di atas menunjukkan penguasaan ilmu pengetahuan yang bertunjangan rohani dapat membawa pemimpin dan pengikutnya mencapai kecemerlangan dalam kehidupan mereka dengan terpancarnya akhlak yang utuh dari kekuatan akidah dan penghayatan syariat. Ia merupakan pelengkap kepada apa yang diimani, dihayati, diamalkan dan seterusnya menjadi sebatian dalam diri dan jiwa tanpa ada pihak yang memaksa untuk menjayakannya. Proses pendidikan yang bersepadu yang tidak memisahkan pendidikan agama akan dapat melahirkan pemimpin dan pengikut yang berintegriti dan beretika tinggi. Masyarakat Melayu tradisional sememangnya tegas dalam membicarakan perkara ini seiring dengan misi penting perutusan Rasulullah SAW. Seperti sabdanya, "...tidak aku diutus melainkan untuk menyempurnakan akhlak yang baik..." dan bukan sebaliknya. Ungkapan Melayu ini memperlihatkan pemimpin hasad yang amat dibenci kerana hatinya yang penuh hasad dengki dan penuh iri berserta keji. Contoh ungkapan Melayu berbunyi:

Menjadi pemimpin hatinya hasad
Fikiran buruk akal nya sesat

Bekerja tidak berlurus niat
Hidup mendengki serta khianat
Iri mengiri ke laut ke darat
Rosaklah negeri binasa umat

Dijadikan pemimpin membawa laknat
Dijadikan tua membawa mudarat
Dijadikan induk membawa maksiat
Dijadikan tiang celaka dekat
Dijadikan tudung menimpa umat
Memimpin negeri dunia kiamat

Oleh itu, orang tua-tua mengatakan pemimpin dan pengikut yang ada hasad akan membawa celaka dunia akhirat. Pemimpin dan pengikut yang mempunyai ciri-ciri hasad dengki, khianat, derhaka kepada ibu bapa dan pemerintah dianggap berakhlak 'mazmumah'. Sifat yang negatif ini perlulah dijauhkan kerana ia akan menjadi racun yang membunuh dan keji, menjauhkan manusia dari Allah SWT dan menjerumuskan manusia ke perangkap syaitan. Mereka ini dianggap pemimpin mungkar yang amat

dibenci oleh orang Melayu (Tenas Effendy 2000) dan akan menyebabkan sesebuah masyarakat, bangsa dan negara musnah dan binasa:

Menjadi pemimpin ianya mungkar
Janji dan sumpah ianya langgar

Ke sana mengugut ke mari mencabar
Ke laut menganiaya ke darat menampar

Di dalam hatinya iblis berakar
Kerja menyalah tak ada yang benar
Tuah hilang namapun cemar

Dijadikan pemimpin balanya besar
Dijadikan tua orang mencabar
Dijadikan induk orang menengkar
Memimpin negeri pasti bertengkar

Oleh itu, akhlak seseorang pemimpin dan pengikut merupakan sebahagian daripada asas untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Nilai akal melambangkan keperibadian dan tatasusila sesuatu bangsa umat manusia dalam sesebuah peradaban. Kajian terhadap pantun dan ungkapan Melayu ini telah menunjukkan kepentingan unsur akhlak dalam Melayu-Islam sehingga ia menjadi objektif utama dalam membangunkan modal insan. Nilai-nilai kerohanian ini yang akan memandu manusia dalam segala aktiviti dan tindakannya.

Selain itu, dimensi jasmani juga memainkan peranan penting dalam menentukan pembangunan modal insan di sesebuah institusi atau organisasi atau negara. Bagi memastikan pemimpin dan pengikut dapat melaksanakan tugas dengan baik dan menjadi modal insan yang bernilai tinggi memerlukan manusia yang mempunyai kesihatan dan badan yang sihat. Ini adalah kerana manusia yang sihat dan cergas akan memberikan rangsangan idea yang bernas ketika berfikir dan memberi pendapat seperti ungkapan Melayu di bawah:

Dalam memimpin lakunya cergas
Berfikir cepat bekerja tangkas
Hatinya lapang fikiran luas
Menghadapi masalah tiada cemas
Menunaikan tugas pantang bermalas
Menunaikan janji ianya kemas

Dijadikan pemimpin rakyat 'kan puas
 Dijadikan tua lapanglah nafas
 Dijadikan induk tidak terpapas
 Sayapnya panjang terbangnya bebas

Ungkapan Melayu di atas menunjukkan bahawa pemimpin yang mempunyai kekuatan fizikal mempunyai kemampuan untuk bekerja dan mengatasi permasalahan secara cepat. Selain itu, di dalam masyarakat Melayu tradisi, pemimpin yang dipilih biasanya orang tua. Tua ini merujuk kepada umur seseorang. Orang Melayu menganggap seorang ketua lazimnya seorang yang berumur, banyak pengalaman dan telah melalui asam garam kehidupan.

Adat rumah ada tuanya
 Adat kampung ada penghulunya
 Adat ke negeri ada rajanya

Tua disebut membawa tuah
 Tua tidak tersia-sia
 Tua ada tunjuk ajar
 Tua umur tua pengalaman
 Tua tempat minta petua

Rumusan

Pantun dan ungkapan Melayu adalah satu hasil nukilan ikhlas masyarakatnya yang secara langsung menggambarkan kebudayaan Melayu yang sarat dengan nilai kemanusiaan dan falsafah bangsanya. Dua khazanah Melayu yang dikaji ini kaya dengan himpunan nilai rasa orang Melayu yang diucapkan secara tersirat tetapi ringkas dan padat dari segi maksudnya. Keringkasan dan kepadatan maksud pantun dan ungkapan Melayu ini memperlihatkan keperibadian orang Melayu yang halus tutur katanya, beradab, tertib dan beradat. Oleh itu, dalam kajian ini mendapati pemimpin Melayu begitu rapat dengan adat yang menjaga adab orang Melayu sehingga memancarkan keperibadian orang Melayu yang sentiasa menjaga harga diri dan seterusnya memiliki kekuatan diri yang membentuk jati diri Melayu. Kajian ini menunjukkan pemimpin Melayu menjadi contoh teladan yang selalu diidam-idamkan dan menjadi sebutan ramai orang. Justeru, kepemimpinan Melayu mempunyai karekteristiknya yang tersendiri dalam membangunkan modal insan yang mementingkan penguasaan ilmu pengetahuan. Melalui kajian ini

juga telah menunjukkan orang-orang Melayu telah lama menjadikan ilmu sebagai budaya kehidupan bagi memastikan generasi muda menjadi sumber tenaga manusia yang berkebolehan, berakhlak mulia dan menyepadukan kepentingan jasmaniah bagi melahirkan pemimpin unggul dalam kalangan masyarakat Melayu. Pantun dan ungkapan Melayu telah menjadi wadah dan wahana ke arah pembangunan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Rujukan

- Hasan Ayub. 1985. *Al-Suluk al-Ijtima'iy al-Islam*. Kuwait: Dar al-Buhuth al-Ilmiyah.
- Mayer, J.D. dan Salovey, P. (1993). The intelligence of emotional intelligence. *Intelligence* 17(4): 433-442.
- Mohd Roslan dan Ahmad Zaki Berahim. 2010. *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun dari Perspektif Islam*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nordin Selat. 1983. *Anatomi kepimpinan Melayu*. Petaling Jaya: Insular Publishing House.
- Shaharir Mohamad Zain. 2010. *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Sugiarto. 1993. *Kamus Indonesia-Daerah*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Tenas Effendy. 2000. *Pemimpin dalam ungkapan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Tenas Effendy. 2005. *Tunjuk Ajar Berkaitan dengan Kepimpinan*. Lembaga Adat Melayu Riau. Telindo Publishing.
- Tryson, D.T. (ed.). 1994. *Comparative Austronesian Dictionary*. New York: Mouton de Gruyter.